

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LARRY SOON @
LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini ekonomi dan fiskal negara serta apakah kesan penularan wabak COVID-19 terhadap perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif ke atas kedudukan ekonomi dan kewangan Kerajaan Persekutuan. Pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun ini telah disemak semula dan diunjur antara -2% hingga 0.5% seperti yang telah diumumkan oleh Bank Negara Malaysia pada 3 April 2020. Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi kesan kepada Malaysia, malah ekonomi global turut diunjur mengalami kemelesetan pada kadar -4.9% berdasarkan unjuran terkini oleh IMF pada Jun 2020.

2. Walau bagaimanapun, kegiatan ekonomi dijangka pulih secara beransur-ansur pada tempoh separuh kedua tahun 2020 berikutan penamatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan langkah-langkah rangsangan ekonomi yang telah diumumkan. Pada tahun 2021,

pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dan berkembang sejajar dengan unjuran pertumbuhan global yang lebih baik.

3. Dari segi kedudukan fiskal negara pula, penularan pandemik COVID-19 turut memberi kesan yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Bagi menangani krisis, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Namun begitu, pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion.

4. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta penambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% daripada KDNK.

5. Semua langkah yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi adalah bersifat *one-off* agar tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Hal ini adalah penting bagi memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Selain itu, Kerajaan akan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana bagi mewujudkan ruang fiskal supaya kedudukan kewangan Kerajaan kembali mampan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.